



**KENYATAAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI  
MALAYSIA**

(Bagi Minggu 36/2018 dari 2 September hingga 8 September 2018)

Pada minggu ke-36 iaitu bagi tempoh 2 September hingga 8 September 2018, sejumlah 1,627 kes Denggi telah dilaporkan diseluruh negara, iaitu peningkatan sebanyak 2.8% berbanding 1,583 kes pada minggu sebelumnya. Bermula dari Januari hingga 8 September 2018 sejumlah 51,337 kes Denggi dilaporkan di seluruh negara manakala jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 81 kematian.

Sejumlah 550 lokaliti wabak yang dilaporkan di seluruh Malaysia pada minggu ke-36. Manakala sebanyak 78 lokaliti hotspot melibatkan lima (5) buah negeri iaitu 63 hotspot di Selangor, enam (6) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, lima (5) di Pulau Pinang, tiga (3) di Perak dan satu (1) di Kelantan telah dilaporkan.

Terdapat satu kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-36. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 8 September 2018 adalah sebanyak 73 kes iaitu 29 kes di Daerah Pasir Puteh, 28 kes di Daerah Tumpat, enam (6) kes di Daerah Kota Bharu, dua (2) kes di Daerah Kuala Muda, manakala masing-masing satu (1) kes di daerah Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang, Penampang, Baling dan Kota Setar.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan

Perubatan (IMR) didapati 2214 sampel darah dan 11 sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Sempena kemeriahan menyambut Hari Malaysia dan cuti umum, Kementerian Kesihatan menyarankan semua lapisan masyarakat untuk terus melakukan aktiviti pencegahan Denggi. Sebelum memulakan perjalanan, pastikan kenderaan disembur dengan aerosol terlebih dahulu untuk membunuh nyamuk dewasa. Disamping itu, sebelum meninggalkan kediaman, pastikan bekas-bekas yang boleh menakung air dibersihkan atau dimusnahkan segera jika tidak diperlukan. Manakala bekas-bekas air yang sukar dikosongkan hendaklah diletakkan bahan pembunuh jentik-jentik. Masyarakat juga dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami gejala demam Denggi seperti demam, sakit kepala, sakit sendi, ruam, loya, muntah atau gejala amaran awal seperti muntah berterusan, sakit perut atau keletihan. Pastikan sambutan hari Malaysia disambut penuh meriah tanpa Denggi. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

**18 September 2018**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 36/2018**  
**(2 September hingga 8 September 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 36/2018		Jumah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 36/2017	
		Week 36 (2 <sup>nd</sup> September – 8 <sup>th</sup> September 2018)		Week 35 (26 <sup>th</sup> August – 1 <sup>st</sup> September 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	5	0	4	0	180	0	146	0
2	Kedah	21	0	35	0	1,380	5	1,166	4
3	P. Pinang	144	0	112	0	3,460	5	1,794	13
4	Perak	33	0	38	0	2,020	5	4,700	9
5	Selangor	874	1	913	0	29,240	22	36,624	55
6	WP KL & Putrajaya	202	1	148	0	4,939	7	6,844	19
7	N. Sembilan	41	1	32	0	1,027	2	2,633	11
8	Melaka	20	0	13	0	423	0	1,079	1
9	Johor	92	0	111	1	3,949	12	5,919	22
10	Pahang	20	0	13	0	641	2	1,289	2
11	Terengganu	20	0	13	0	275	2	230	1
12	Kelantan	71	0	61	0	1,068	2	2,173	2
13	Sarawak	12	0	16	0	395	1	736	4
14	Sabah	71	1	72	0	2,253	16	1,520	6
15	WP Labuan	1	0	2	0	87	0	53	0
	<b>Malaysia</b>	1,627	4	1,583	1	51,337	81	66,906	149

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 36/2018  
(2 September hingga 8 September 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	65	172
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	127	169
3	WPKL	Cheras	Appt Sri Rakyat	35	147
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	56	146
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	42	120
6	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Sl 4 Bandar Sungai Long	43	114
7	SELANGOR	Klang	B.B.T (Jln Batu Nilam 1)	32	95
8	SELANGOR	Klang	T.S (Lrg Laksamana 20)	39	87
9	SELANGOR	Hulu Langat	Blok A-G Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	22	83
10	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Intan 2	13	82
11	SELANGOR	Petaling	Bt 3 (Suria Appt Tmn Bukit Pelangi)	17	73
12	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sime Uep Subang (Jln Tp)	36	72
13	SELANGOR	Klang	T.T.G.I ( Jln Sama Gagah 18 )	51	71
14	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Indah 2	20	69
15	SELANGOR	Klang	Tmn Saga 2 (Jln Bentara 23/Ks7)	9	64

16	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Semenyih Parklands	91	64
17	WPKL	Titiwangsa	Pangsapuri Atm	16	62
18	SELANGOR	Klang	T.S (Flat Dynasty)	15	62
19	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a D'aman Crimson	7	59
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Perdana )	79	59
21	PERAK	Kinta	Kg Sri Klebang Tambahan 2	8	59
22	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	13	58
23	SELANGOR	Klang	Appartment Golden Villa	21	58
24	SELANGOR	Klang	Taman Bukit Jati (Jln Bukit Jati 1-3)	25	57
25	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 5 Flat Desa Ria	20	57
26	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	38	55
27	P PINANG	Timur Laut	Mutiara Idaman	18	54
28	SELANGOR	Hulu Langat	Regina Court Bandar Baru Ampang	10	53
29	P PINANG	Timur Laut	Jalan Tengku	16	49
30	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Brunfield Riverview )	18	47
31	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 4 (Jln Bk 4/5 - 4/10)	16	47
32	SELANGOR	Klang	Seksyen 25 (Pangsapuri Damai)	21	46
33	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 17 Teres A : Jln 17/2, 17/4, 17/6, 17/11, 17/19	20	46
34	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 8)	5	45
35	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 5c	8	45
36	SELANGOR	Gombak	Condo Banjarlia Court	9	45
37	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Tr 1 - Tr 9	13	44

38	PERAK	Larut Matang & Selama	Taman Bersatu	16	44
39	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Pprt A : Blok A,B,C	32	43
40	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2	21	43
41	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Usj 2 (Sri Nipah)	12	43
42	P PINANG	Barat Daya	Taman Mewah Fasa 2	12	43
43	WPKL	Lembah Pantai	Balai Polis Pantai ( Quarters Pegawai Polis )	13	42
44	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 ( Flat B : Blok 10 - 21 )	13	42
45	P PINANG	Timur Laut	Pintasan Makloom	12	42
46	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2d Flat Desa Mentari (Blk 11)	10	40
47	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 ( Kondo Sri Mahligai & Town House Sri Mahligai )	14	40
48	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seri Cempaka Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	16	40
49	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Shang Villa	8	39
50	WPKL	W/P Putrajaya	Presint 17- Blok Abcd Parcel 17rk1	9	38
51	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2 Apt Maju Jaya	12	38
52	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Angsana Appt)	20	38
53	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Pandan Lake View Pandan Perdana	17	38
54	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 1 (Flat)	6	37
55	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10b) Blok Ar - Av	16	37
56	WPKL	Lembah Pantai	Kuarters Ktmb (Blok 2, 6, 8)	7	36

57	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	10	36
58	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres K : Jln 7/70 - 7/89)	9	36
59	SELANGOR	Klang	Kg Jawa ( Kuarters Guru )	8	36
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen U6 (Taman Subang Baru)	4	35
61	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 1 : Blok 1, 2, 3	6	35
62	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 6	7	35
63	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	9	34
64	SELANGOR	Klang	Apt. Perepat Permai Kapar	14	34
65	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Teres B:Jln 28/1-28/20)	7	34
66	KELANTAN	Tumpat	Cabang 3 Ketik	11	34
67	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Aman Permai	14	33
68	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (Fortune Park Apt @Suria Perdana Apt)	7	33
69	SELANGOR	Gombak	Kuarters Hosp Sg Buloh	14	33
70	SELANGOR	Gombak	Kg Kerdas 5	6	33
71	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tropika 2 Taman Tropika	16	32
72	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 10 (Vista Impiana)	7	32
73	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 ( Kbsb : Jln Welfare )	8	32
74	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 8 (Pangsapuri Megaria Orkid & Daisi)	5	32
75	P PINANG	Barat Daya	Lebuh Bukit Kecil	7	32
76	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru Zon 9	8	31

77	SELANGOR	Petaling	Du Seksyen 19 ( 2 )	6	31
78	SELANGOR	Petaling	PJS 11/26 (Sun-U Apartment- Blok A, B, C ,D)	5	31